

Company Name : Heng Huat Resources Group Berhad  
Date : 26 July 2014  
Source : Berita Harian

# Saham Heng Huat catat premium 16 sen

**Saham** Heng Huat Resources Group Bhd yang memulakan dagangan sulungnya di Pasaran ACE Bursa Malaysia semalam, mencatatkan premium 16 sen apabila dibuka pada 61 sen berbanding harga tawaran 45 sen.

Sepanjang urus niaga semalam, harga saham itu bergerak antara 55 sen hingga 62 sen, sebelum ditutup pada 56 sen, 11 sen lebih tinggi berbanding harga tawarannya dengan 51.9 juta saham bertukar tangan.

Pengarah Eksekutifnya, Lim Ghim Chai, berkata pihaknya gembira dengan prestasi yang dicatatkan harga saham syarikat pada hari pertama ia didagangkan.


Beliau berkata, premium 16 sen itu menunjukkan keyakinan pelabur terhadap saham pengeluar bersepadan produk biomas sawit dan kelapa itu.

"Semua pihak gembira (dengan harga pembukaan). Harga pembukaan pada 61 sen dengan premium lebih 30 peratus (berbanding harga tawaran), memberi petanda yang baik," katanya pada sidang media selepas majlis penyenaraian saham Heng Huat di Kuala Lumpur semalam.

Hadir sama, Pengasas Bersama dan Pengarah Urusan Heng Huat, H'ng Choon Seng; Pengasas Bersama dan Timbalan Pengarah Urusan Heng Huat, Kee Swee Lai; Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd, Datuk Tajuddin Atan; dan Pengarah Urusan Kumpulan K&N Kenanga Holdings Bhd, Chay Wai Leong.

## Kembang perniagaan ke China

Mengulas mengenai rancangan pengembangan Heng Huat selepas penyenaraian sulungnya itu, Ghim Chai berkata, pengeluar bersepadan produk biomas sawit



Pengerusi Heng Huat Resources Group Berhad, Datuk Juzilman Basir (kanan), Choon Seng (tengah) dan Swee Lai melihat **pergerakan harga saham** selepas penyenaraian Heng Huat Resources Group Berhad di Bursa Malaysia.

“

Dengan menujuhkan anak syarikat di China, kami jangka ia akan **membantu meningkatkan pendapatan kami pada masa depan”**

**Lim Ghim Chai,**  
Pengarah Eksekutif Heng Huat Resources Group

dan kelapa itu bercadang untuk mengembangkan kehadirannya di pasaran China yang dilihat menawarkan peluang pertumbuhan yang besar.

## Sumbang 50 peratus pendapatan kumpulan

Katanya, China adalah pasaran penting bagi mereka dengan ketika ini eksport produknya ke ekonomi kedua terbesar dunia itu menyumbang hampir 50 peratus kepada pendapatan kumpulan.

Beliau berkata, syarikat bercadang untuk menujuhkan anak syarikatnya di China bagi

memenuhi permintaan ke atas serat tandan kosong (EFB) yang semakin meningkat di negara itu.

"Dengan menujuhkan anak syarikat di China, kami jangka ia akan membantu meningkatkan pendapatan kami pada masa depan," katanya, sambil menambah penubuhan anak syarikat di republik itu bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa China.

Ditubuhkan pada 1997, Heng Huat kini mempunyai tiga kilang pemprosesan biomas sawit di Pulau Pinang dan Kedah serta dua kilang memproses serat kelapa di Kelantan.